UPNM hendaklah memastikan proses penyampaian perkhidmatan sentiasa memenuhi kehendak pelanggan/ *stakeholder* dilaksanakan secara terkawal melalui kaedah-kaedah berikut:

- i. Adanya maklumat yang memerihalkan ciri-ciri aktiviti termasuklah Titik Kawalan Kritikal Syariah.
- ii. Adanya arahan kerja mengenai pengeluaran dan penyediaan aktiviti/ produk halal di dokumentasikan dengan baik dan tersedia untuk pekerja yang berkenaan, apabila diperlukan.

 <b>UPNM</b> <small>National Defence University of Malaysia</small>	<b>MANUAL KUALITI SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH</b>	<b>No. Ruj. Dokumen : MK-I. UPNM. 01</b>
		<b>No. Keluaran : 01</b>
		<b>No. Pindaan : 03</b>
		<b>Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023</b>
		<b>Muka Surat : 26/33</b>

- iii. Penggunaan peralatan yang sesuai.
- iv. Pelaksanaan pemantauan dan pengukuran.
- v. Pelaksanaan aktiviti pelepasan, hantar serah dan selepas hantar serah.

### Dokumen Rujukan

PK-I(O). UPNM. PI. 01	Prosedur Pelaksanaan Khutbah Jumaat
PK-I(O). UPNM. PI. 02	Prosedur Pelaksanaan Aktiviti Kerohanian di Masjid Muhammad Al-Fateh UPNM
PK-I(O). UPNM. LK. 01	Prosedur Pengendalian Perbarisan Pegawai Kadet
PK-I(O). UPNM. PI. 03	Prosedur Titik Kawalan Kritikal Syariah
PK-I(O). UPNM. PI. 04	Prosedur Penilaian Terhadap Nilai Teras Syariah

### 7.5.2. Pengesahan Proses bagi Pengeluaran dan Penyediaan Perkhidmatan

UPNM hendaklah mengesahkan apa-apa proses bagi pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan jika *output* yang dihasilkan tidak dapat ditentukan melalui pemantauan atau pengukuran seterusnya. Hal ini termasuk apa-apa proses jika kekurangan hanya dapat dilihat setelah produk itu digunakan atau perkhidmatan itu telah dilaksanakan. Organisasi hendaklah memastikan Pegawai Syariah terlibat dalam proses pengesahan bagi pengeluaran dan penyediaan perkhidmatan.

Pengesahan hendaklah menunjukkan keupayaan proses ini mencapai keputusan yang dirancang.

UPNM hendaklah mengatur proses ini yang termasuklah, jika berkenaan;

- a. Kriteria yang ditetapkan bagi semakan dan kelulusan proses;
- b. Kelulusan peralatan dan kelayakan personel;
- c. Penggunaan kaedah dan prosedur tertentu;
- d. Keperluan rekod (Rujuk 4.2.4); dan
- e. Pengesahan semula.

 <b>UPNM</b> <small>National Defence University of Malaysia</small> <small>BERSEKUTUAN • BERKUALITI • BERDISIPLIN</small>	<b>MANUAL KUALITI SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH</b>	<b>No. Ruj. Dokumen : MK-I. UPNM. 01</b>
		<b>No. Keluaran : 01</b>
		<b>No. Pindaan : 03</b>
		<b>Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023</b>
		<b>Muka Surat : 27/33</b>

### **7.5.3. Pengenalpastian dan Kebolehkesanan**

UPNM hendaklah, jika bersesuaian, mengenal pasti produk melalui cara yang sesuai sepanjang penghasilan produk itu.

UPNM hendaklah mengenal pasti status produk dari segi keperluan pemantauan dan pengukuran.

Jika kebolehkesanan merupakan suatu keperluan, UPNM hendaklah mengawal dan merekod pengenalpastian yang unik bagi produk itu.

### **7.5.4. Harta Pelanggan**

UPNM hendaklah menyimpan selamat harta hak milik pelanggan mengikut Akta, Arahan, Garis Panduan dan Pekeliling yang berkuatkuasa serta hendaklah mematuhi keperluan Syariah. Antara lain harta hak milik pelanggan adalah data atau maklumat yang berkaitan dengan pelanggan sama ada yang diserahkan oleh pelanggan sendiri, agensi awam dan swasta atau pihak-pihak yang mempunyai hubungan dengan UPNM.

### **7.5.5. Pengekalan Produk**

Bagi memastikan keakuran terhadap keperluan produk dan keperluan Syariah, UPNM hendaklah mengekalkan produk semasa pemrosesan dalaman dan semasa hantar serah produk ke destinasi yang dimaksudkan. Jika berkenaan, pengekalan hendaklah termasuk pengenalpastian, pengendalian, pembungkusan, penyimpanan dan penjagaan. Pengekalan hendaklah juga diguna pakai kepada bahagian juzuk produk.

## **7.6. KAWALAN PERALATAN PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN**

UPNM tidak menggunakan sebarang peralatan yang tertakluk kepada penentu ukuran (kaliberasi) kerana ia hanya digunakan untuk tujuan latihan sahaja (dikecualikan).

	<b>MANUAL KUALITI SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH</b>	<b>No. Ruj. Dokumen : MK-I. UPNM. 01</b>
		<b>No. Keluaran : 01</b>
		<b>No. Pindaan : 03</b>
		<b>Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023</b>
		<b>Muka Surat : 28/33</b>

## 8. PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENAMBAHBAIKAN

### 8.1. AM

- a. UPNM hendaklah merancang, mewujudkan dan melaksanakan proses pemantauan bagi pengukuran, analisis dan penambahbaikan terhadap SPK Berasaskan Syariah.
- b. Menunjukkan keakuran terhadap keperluan produk dan memenuhi keperluan syariah.
- c. UPNM hendaklah menyediakan prosedur bagi perkhidmatan yang tertakluk di bawah skop pelaksanaan bermula dari proses penerimaan, pemprosesan hingga peringkat penyerahan produk.
- d. UPNM hendaklah menentukan kaedah pemantauan bagi memastikan proses-proses dilaksanakan sentiasa menghasilkan produk atau perkhidmatan yang diperlukan.
- e. UPNM hendaklah menyediakan kaedah pemantauan prestasi proses perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran.

### 8.2. PEMANTAUAN DAN PENGUKURAN

#### 8.2.1. Kepuasan Pelanggan

UPNM hendaklah menyediakan kaedah untuk mengukur kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Pemantauan dan pengukuran kepuasan pelanggan akan dibuat berasaskan kaji selidik, aduan, maklum balas pelanggan, audit dalam dan kaji semula pengurusan.

#### 8.2.2. Audit Dalam MS 1900: 2014

UPNM hendaklah menjalankan audit dalam MS 1900:2014 secara berkala bagi menentukan sama ada atau tidak sistem pengurusan kualiti:

- a) Akur dengan perancangan, keperluan piawaian ini, Titik Kawalan Kritikal Syariah serta keperluan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Berasaskan Syariah yang diwujudkan oleh UPNM itu; dan
- b) Ia telah dilaksanakan dan diselenggarakan secara berkesan.

	<b>MANUAL KUALITI SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH</b>	<b>No. Ruj. Dokumen : MK-I. UPNM. 01</b>
		<b>No. Keluaran : 01</b>
		<b>No. Pindaan : 03</b>
		<b>Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023</b>
		<b>Muka Surat : 29/33</b>

Suatu program audit hendaklah dirancang, dengan mengambil kira status dan kepentingan proses dan bidang yang hendak diaudit, di samping keputusan audit terdahulu. Kriteria, skop, kekerapan dan kaedah audit hendaklah ditetapkan. Pemilihan juruaudit dan pelaksanaan audit akan menentukan keobjektifan dan kesaksamaan proses audit. Juruaudit tidak boleh mengaudit kerjanya sendiri.

Prosedur yang didokumentasikan hendaklah diwujudkan bagi menetapkan tanggungjawab dan keperluan bagi perancangan dan pelaksanaan audit, pewujudan rekod serta pelaporan keputusan audit. Rekod audit dan keputusannya hendaklah diselenggarakan.

Pihak pengurusan yang bertanggungjawab terhadap bidang yang sedang diaudit hendaklah memastikan apa-apa pembetulan dan tindakan pembetulan yang diperlukan dibuat tanpa kelengahan tidak wajar bagi menghapuskan ketakakuran yang dikesan serta puncanya.

Aktiviti susulan hendaklah merangkumi penentusahan tindakan yang diambil serta pelaporan keputusan penentusahan itu.

## Dokumen Rujukan

PK-I(W). UPNM. 03	Prosedur Audit Dalam
-------------------	----------------------

### 8.2.3. Pemantauan dan Pengukuran Proses

UPNM hendaklah menjalankan pemantauan dan pengukuran terhadap SPK Berasaskan Syariah bagi semua proses dan produk akhir yang terlibat. Kaedah yang sesuai akan dilaksanakan bagi menentukan proses yang dirancang sentiasa menghasilkan Objektif Kualiti SPK Berasaskan Syariah yang ditetapkan. Sekiranya hasil yang dirancang itu tidak mencapai sasaran, tindakan pembetulan dan pencegahan akan dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada pencapaian Objektif Kualiti SPK Berasaskan Syariah yang ditetapkan.

### 8.2.4. Pemantauan dan Pengukuran Produk

UPNM hendaklah mengadakan pemantauan dan pengukuran terhadap produk atau perkhidmatan yang disampaikan kepada pelanggan. Semua produk atau perkhidmatan hendaklah memenuhi spesifikasi atau kriteria yang ditetapkan serta mematuhi Syariah. Produk dan perkhidmatan hendaklah sentiasa diperiksa pada peringkat akhir sebelum diserahkan kepada pelanggan bagi



 <b>MANUAL KUALITI SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH</b>	<b>No. Ruj. Dokumen : MK-I. UPNM. 01</b>
	<b>No. Keluaran : 01</b>
	<b>No. Pindaan : 03</b>
	<b>Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023</b>
	<b>Muka Surat : 30/33</b>

memastikan ia sentiasa memenuhi keperluan perundangan/ peraturan yang berkuatkuasa.

### 8.3. KAWALAN PRODUK TIDAK MEMATUHI SPESIFIKASI SYARIAH

UPNM hendaklah menyediakan prosedur bagi memastikan produk tidak mematuhi spesifikasi terhadap keperluan Syariah dan perkhidmatan yang tidak mematuhi spesifikasi dikawal dan diasingkan bagi mencegah produk dan perkhidmatan yang terlibat dari kegunaan yang tidak dirancang. Produk atau perkhidmatan berkenaan hendaklah tertakluk kepada perkara-perkara berikut:

- a. Kriteria yang ditetapkan oleh UPNM.
- b. Peraturan dan perundangan yang berkuatkuasa.
- c. Spesifikasi perolehan seperti yang ditetapkan melalui proses perolehan.

Produk yang tidak mematuhi spesifikasi hendaklah dikenal pasti dan diasingkan supaya tidak digunakan seterusnya oleh pelanggan. Perincian kepada keperluan ini dinyatakan dalam prosedur yang diwujudkan.

Sekiranya berlaku ketakakuran terhadap keperluan Syariah, Pegawai Syariah hendaklah mengambil tindakan segera membetulkan dan melaporkannya kepada pengurusan atasan, tanpa kelengahan tidak wajar.

Apabila produk tidak mematuhi spesifikasi dibetulkan, ia hendaklah tertakluk kepada penentusahan semula bagi menunjukkan keakuran terhadap keperluan.

#### Dokumen Rujukan

PK-I(W). UPNM. 06	Prosedur Kawalan Produk Tidak Mematuhi Spesifikasi Syariah
-------------------	--

### 8.4. ANALISIS DATA

UPNM hendaklah mengenal pasti kaedah bagi menganalisis data yang berkaitan untuk tujuan penambahbaikan terhadap SPK dan juga mematuhi keperluan Syariah.

Analisis data hendaklah menyalurkan maklumat berikut:

- a. Kepuasan pelanggan.
- b. Keakuran terhadap keperluan produk serta keperluan Syariah.

 <b>UPNM</b> <small>National Defence University of Malaysia</small>	<b>MANUAL KUALITI SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH</b>	<b>No. Ruj. Dokumen : MK-I. UPNM. 01</b>
		<b>No. Keluaran : 01</b>
		<b>No. Pindaan : 03</b>
		<b>Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023</b>
		<b>Muka Surat : 31/33</b>

- c. Ciri-ciri dan arah aliran proses dan produk termasuk peluang tindakan pencegahan;
- d. Pembekal.

## 8.5. PENAMBAHBAIKAN

### 8.5.1. Penambahbaikan Berterusan

UPNM hendaklah sentiasa menambah baik keberkesanan SPK (MS 1900:2014) dengan berasaskan sumber-sumber berikut:

- i. Dasar Kualiti.
- ii. Objektif Kualiti SPK Berasaskan Syariah.
- iii. Laporan Hasil Audit.
- iv. Analisis Data.
- v. Tindakan Pembetulan.
- vi. Tindakan Pencegahan.
- vii. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan.
- viii. Pengurusan Atasan UPNM hendaklah memfokuskan sesuatu aktiviti penambahbaikan dan dikenal pasti dari masa ke semasa.

#### Dokumen Rujukan

PK-I(W). UPNM. 03	Prosedur Audit Dalam
PK-I(W). UPNM. 04	Prosedur Tindakan Pembetulan
PK-I(W). UPNM. 05	Prosedur Tindakan Pencegahan
PK-I(W). UPNM. 06	Prosedur Kawalan Produk Tidak Mematuhi Spesifikasi Syariah
PK-I(S). UPNM. WP. 01	Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

### 8.5.2. Tindakan Pembetulan

UPNM hendaklah mengambil tindakan pembetulan terhadap sesuatu kepincangan atau ketidakpatuhan yang dikenal pasti dari semasa ke semasa. Tindakan pembetulan perlu mengenal pasti punca sebenar sesuatu ketidakpatuhan yang dikesan dan tindakan ini perlu dilaksanakan dengan segera dan berkesan. Tindakan pembetulan akan dilaksanakan berdasarkan sumber-sumber berikut:

 <b>MANUAL KUALITI SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH</b>	<b>No. Ruj. Dokumen : MK-I. UPNM. 01</b>
	<b>No. Keluaran : 01</b>
	<b>No. Pindaan : 03</b>
	<b>Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023</b>
	<b>Muka Surat : 32/33</b>

- i. Mengkaji semula ketidakpatuhan yang dikesan.
- ii. Menentukan punca-punca ketidakpatuhan.
- iii. Membuat penilaian terhadap tindakan-tindakan bagi mencegah sesuatu ketidakpatuhan dari berulang.
- iv. Mengenal pasti dan melaksanakan tindakan-tindakan yang diperlukan.
- v. Rekod-rekod berkaitan Tindakan Pembedulan yang telah diambil, diwujudkan dan diselenggarakan.
- vi. Mengkaji semula Tindakan Pembedulan yang diambil.

### Dokumen Rujukan

PK-I(W). UPNM. 03	Prosedur Audit Dalam
PK-I(W). UPNM. 04	Prosedur Tindakan Pembedulan
PK-I(S). UPNM. WP. 01	Prosedur Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan

### 8.5.3. Tindakan Pencegahan

UPNM hendaklah melaksanakan Tindakan Pencegahan berpandukan kepada kecenderungan (*trend*) luar jangka seperti bertambahnya bilangan aduan dan kes salah laku yang berpotensi ke arah berlakunya ketidakpatuhan.

Pada keadaan biasa Tindakan Pencegahan hendaklah dilaksanakan berasaskan sumber-sumber berikut:

- i. Menentukan potensi ketidakpatuhan atau kepincangan yang mungkin berlaku dan mengenal pasti mekanisme pencegahan.
- ii. Mewujud dan mengkaji Pelan Pencegahan untuk mengelakkan ketidakpatuhan dari berlaku atau berulang.
- iii. Mengenal pasti strategi dan kaedah Tindakan Pencegahan yang diperlukan serta menentukan warga UPNM yang bertanggungjawab.
- iv. Merekod semua keputusan berkaitan dengan Tindakan Pencegahan yang telah diambil.
- v. Mengkaji keberkesanan Tindakan Pencegahan yang telah diambil.

### Dokumen Rujukan

PK-I(W). UPNM. 03	Prosedur Audit Dalam
PK-I(W). UPNM. 05	Prosedur Tindakan Pencegahan

	<b>MANUAL KUALITI SISTEM PENGURUSAN KUALITI BERASASKAN SYARIAH</b>	<b>No. Ruj. Dokumen : MK-I. UPNM. 01</b>
		<b>No. Keluaran : 01</b>
		<b>No. Pindaan : 03</b>
		<b>Tarikh : 27 SEPTEMBER 2023</b>
		<b>Muka Surat : 33/33</b>

## 9. LAMPIRAN

- 9.1 LAMPIRAN 1 - Carta Organisasi UPNM
- 9.2 LAMPIRAN 2 - Peranan dan Fungsi FPJB di UPNM
- 9.3 LAMPIRAN 3 - Pemetaan Proses Sistem Pengurusan Kualiti Berasaskan Syariah UPNM
- 9.4 LAMPIRAN 4 - Senarai Rujukan Dokumen MS 1900:2014 UPNM
- 9.5 LAMPIRAN 5 - Carta Organisasi Jawatankuasa Panel Syariah UPNM

DOKUMEN TERKAWAL



Akademi Latihan Ketenteraan (ALK)

Komandan ALK



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI

Lembaga Pengarah Universiti

Naib Canselor

UPNM Holdings Sdn. Bhd.

# STRUKTUR ORGANISASI UPNM

Kemas Kini Terakhir : Januari 2024



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA



[www.upnm.edu.my](http://www.upnm.edu.my)

Malaysia's Premier University of Defence & Security

**PERANAN DAN FUNGSI FAKULTI/ PUSAT**

<p><b><u>PEJABAT NAIB CANSOLOR</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebagai pejabat utama yang membantu memudahkan segala urusan Naib Canselor dalam menjalankan fungsi eksekutif dan pentadbirannya;</li> <li>2. Membantu Naib Canselor dalam memastikan kualiti yang tinggi, cekap dan efektif dalam bidang tadbir urus, pengauditan dalaman, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, pembangunan staf, kerja perundingan, perkhidmatan, pembangunan prasarana, dan pendidikan berterusan di Universiti;</li> <li>3. Membantu Naib Canselor dalam memastikan tiap-tiap pusat tanggungjawab bertindak di bawah bidang kuasa yang telah ditetapkan kepadanya berlandaskan Akta, Perlembagaan, Statut-Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan yang berkuatkuasa;</li> <li>4. Membantu Naib Canselor memantau pematuhan setiap pelaksanaan dasar, secara cekap dan beramanah;</li> <li>5. Memastikan pengurusan yang cekap dan berdedikasi sentiasa diutamakan dalam membantu pusat tanggungjawab lain dari pelbagai aspek;</li> <li>6. Bertanggungjawab menjaga kerahsiaan, integriti dan akauntabiliti maklumat yang berkaitan universiti;</li> <li>7. Menguruskan dua (2) mesyuarat utama Universiti iaitu Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Naib Canselor dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti.</li> </ol>	<p><b><u>TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)</u></b></p> <p>-Membantu Naib Canselor melaksanakan hal-hal akademik demi mencapai kecemerlangan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan sebahagian peranan tersebut ialah seperti senarai di bawah.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyelia pelaksanaan program akademik Universiti termasuk:- <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kualiti program akademik – menepati piawaian MQF (<i>Malaysia Qualification Framework</i>) dan badan-badan Profesional berkaitan</li> <li>• Kelulusan program-program akademik dari Kementerian Pengajian Tinggi dan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia</li> <li>• Semakan Kurikulum secara berkala</li> <li>• Akreditasi/pengiktirafan tempatan – <i>Code of Practice Programme Accreditation (COPPA)</i>, <i>MQA</i></li> <li>• Audit program akademik</li> <li>• <i>Code of Practice Institutional Audit (COPIA)</i></li> <li>• Badan Profesional seperti <i>Engineering Accreditation Council (EAC)</i></li> <li>• Persetaraan dan D-Setara (<i>Discipline-Based Rating System</i>)</li> <li>• Penambahbaikan program-program akademik dengan mengambil pandangan <i>stake-holder</i></li> </ul> </li> <li>2. Menentukan Halatuju Akademik dan Antarabangsa Universiti.</li> <li>3. Menyelia dan memantau hal yang berkaitan staf akademik seperti: <ul style="list-style-type: none"> <li>• cuti belajar staf akademik</li> <li>• pemilihan jawatan akademik</li> </ul> </li> </ol>	<p><b><u>TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)</u></b></p> <p><b><u>Pusat Pembangunan Pelajar</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merangka dan menyelaraskan dasar, strategi, pelan pelaksanaan serta pemantauan pembangunan keusahawanan pelajar;</li> <li>• Membudaya dan menggerakkan aktiviti keusahawanan pelajar melalui program yang berimpak tinggi;</li> <li>• Mengenalpasti dan membangunkan kemahiran keusahawanan pelajar melalui aktiviti dalaman dan jemputan luar; dan</li> <li>• Menjadi pusat rujukan utama berkaitan keusahawanan pelajar di UPNM.</li> </ul> <p><b><u>Unit Pentadbiran dan Perkhidmatan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang pengurusan sumber manusia Bahagian HEPA dari segi latihan dan kebajikan staf;</li> <li>• Menyelaraskan semua unit di BHEPA;</li> <li>• Merancang dan mengurus sistem kewangan dan perbelanjaan BHEPA; dan</li> <li>• Membantu mengurus pembangunan sahshiah pelajar.</li> </ul> <p><b><u>Unit Kaunseling dan Kerjaya</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan psikologikal dan kaunseling kepada pelajar dan kakitangan universiti;</li> <li>• Menyediakan perkhidmatan kaunseling yang tersusun dan terlatih untuk pelajar dan kakitangan;</li> <li>• Merancang dan melaksanakan program-program bimbingan dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik mahasiswa;</li> <li>• Meningkatkan nilai diri golongan pelajar melalui kaedah tambah nilai dan potensi pelajar melalui soft skill dan hard skill;</li> <li>• Membangunkan tahap SQ, IQ dan EQ ke tahap yang lebih baik di kalangan pelajar; dan</li> <li>• Menyediakan para graduan yang mampu bersaing di pasaran pekerjaan yang global.</li> </ul> <p><b><u>Unit Seni Budaya</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merangka, merancang serta mengurus aktiviti-aktiviti berbentuk kebudayaan dan kesenian di peringkat universiti dalam usaha untuk menggiatkan dan memperkembangkan seni budaya di kalangan pelajar UPNM;</li> <li>• Memberi khidmat nasihat, latihan dan pendedahan kepada pelajar dalam pengurusan acara berbentuk kebudayaan dan kesenian;</li> <li>• Menyelia program-program kebudayaan yang dianjurkan oleh pelajar; dan</li> <li>• Menyelaraskan aktiviti kelab-kelab kebudayaan pelajar UPNM.</li> </ul>
--	---	---

<p><b>BAHAGIAN AUDIT DALAM</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Audit Dalam merupakan satu fungsi bebas yang memeriksa, mengkaji, menganalisa, menyiasat, menilai keberkesanan, kecekapan dan ekonomiknya sesuatu aktiviti serta memberi kepastian secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi universiti. Audit Dalam membantu universiti mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin dengan menilai keberkesanan kawalan kearah proses tadbir urus yang baik;</li> <li>• Audit Dalam berperanan memberi khidmat perundingan dan nasihat kepada universiti secara professional terhadap kesempurnaan, kebolehpercayaan serta keberkesanan sistem kawalan dalaman untuk memastikan peraturan dan prosedur yang bersesuaian adalah mencukupi;</li> <li>• Audit Dalam melaksanakan peranan sebagai urus setia bagi Jawatankuasa audit universiti dan juga sebagai ahli Jawatankuasa-jawatankuasa yang dibenarkan di bawah pekeliling/peraturan yang ditetapkan;</li> <li>• Audit Dalam juga berperanan menjalankan siasatan yang diarahkan oleh Ketua Eksekutif berkaitan aduan/siasatan khas.</li> </ul> <p><b>Tanggungjawab</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>4. Menyelia dan memantau pengurusan pengambilan pelajar dan juga memantau pelaksanaan kemahiran insaniah pelajar melalui My3S (<i>Malaysian Soft Skills Scale</i>).</li> <li>5. Menyelia dan memantau pengurusan peperiksaan dan keputusan peperiksaan setiap semester (Sarjana Muda, Master dan PhD).</li> <li>6. Mengadakan lawatan ke Fakulti / Pusat sebagai persediaan untuk lawatan MQA dan EAC. Fakulti / Pusat yang terlibat ialah : <ul style="list-style-type: none"> <li>• Fakulti Kejuruteraan</li> <li>• Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan</li> <li>• Pusat Asasi Pertahanan</li> <li>• Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan</li> <li>• Fakulti Pengurusan dan Pengajian Pertahanan</li> </ul> </li> <li>7. Mewujudkan dan memantau Jawatankuasa Kod Etika Akademik.</li> <li>8. Mempengerusikan Mesyuarat <i>Curriculum Review</i> di peringkat TNC.</li> <li>9. Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih Akademik (Prof. Madya. ke bawah (AUKU &amp; Mesyuarat LPU)).</li> <li>10. Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih dan Kenaikan Pangkat Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 – 52 (Bukan Akademik). – (Mesyuarat LPU, 9 Okt. 2012).</li> <li>11. Mengadakan mesyuarat dan perjumpaan berkaitan hal-hal Akademik dan Pentadbiran bersama: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Profesor-profesor</li> <li>• Semua Pegawai Tadbir UPNM</li> <li>• Pensyarah-pensyarah Antarabangsa</li> </ul> </li> </ol>	<p><b>Unit Kokurikulum</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurus dan menyelaras untuk aktiviti kokurikulum berkredit dan kokurikulum tidak berkredit;</li> <li>• Memantau dan memastikan aktiviti yang dirancang selari dengan kehendak Akta Universiti;</li> <li>• Memberi bimbingan kepada pelajar berkaitan pengendalian program/ acara; dan</li> <li>• Memastikan pelajar mendapat nilai tambah sebanyak mungkin bagi setiap penyertaan dalam mana-mana program atau aktiviti yang dianjurkan oleh universiti mahupun dari pihak luar.</li> </ul> <p><b>Unit Multimedia</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan mengurus keperluan infrastruktur berkaitan ICT di BHEPA;</li> <li>• Bertanggungjawab sebagai webmaster bagi Bahagian HEPA untuk mengemaskini kandungan laman web HEPA;</li> <li>• Merekabentuk kerja seni (artwork) untuk tujuan publisiti dan hebahan bagi program-program anjuran HEPA seperti banner, bunting, poster dan sebagainya; dan</li> <li>• Menerbit, menghasil dan menyelaras hal-hal berkaitan penerbitan bahan audio visual seperti persembahan multimedia, montaj dan video.</li> </ul> <p><b>Unit Pengurusan Asrama</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengurus hal-hal berkaitan penginapan pelajar di asrama seperti pendaftaran keluar masuk, penyediaan kemudahan asas dan kebajikan pelajar di kolej kediaman;</li> <li>• Menjalankan aktiviti/program yang dapat meningkatkan pembangunan sahsiah pelajar dan kecemerlangan akademik; dan</li> <li>• Memastikan keselamatan pelajar terjamin dari sebarang ancaman atau gangguan yang tidak diingini.</li> </ul>
---	--	--

Mengkaji dan memberi nasihat/pendapat terhadap kebolehppercayaan kawalan dalaman organisasi dan keberkesanan semua sistem termasuk ICT;

- Mengkaji dan melaporkan tahap pematuhan kepada dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa, obligasi kontrak dan praktis semasa yang baik;
- Mengkaji program/aktiviti organisasi bagi memastikan ia telah diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.
- Memastikan fungsi perancangan, penyeliaan, arahan dan pengawalan berdasarkan dasar, arahan dan peraturan pengurusan telah dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan objektif dan amalan pengurusan yang baik;
- Memastikan sistem laporan dan peraturan kewangan dan perakaunan adalah mencukupi dan boleh dipercayai;
- Mengkaji cara yang sesuai untuk melindungi aset dan mengesahkan kewujudan aset tersebut;
- Melaporkan kepada pihak pengurusan mengenai sesiapa yang sepatutnya mengambil tindakan di atas sesuatu teguran audit;
- Menilai semula rancangan dan tindakan yang telah diambil selaras dengan teguran audit mengenainya;
- Membuat siasatan apabila diperlukan; dan
- Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada Jawatankuasa Audit yang meliputi perkara berikut:
  - Tindakan susulan yang telah diambil di atas penemuan audit yang penting;
  - Peningkatan keberkesanan dan kelicinan operasi, hasil daripada tindakan audit;
  - Penyelarasan audit dalam dan audit luar untuk mengelakkan pertindihan; dan
  - Perancangan kerja audit.

#### **PEJABAT PENOLONG NAIB CANSOLOR (JIPK)**

##### **i. Unit Perhubungan Awam Dan Antarabangsa**

- Menguruskan perkara-perkara mengenai urusan media, publisiti dan penerbitan yang merangkumi:
  - Mengurus hal ehwal berkaitan media bagi aktiviti UPNM.
  - Mengurus penerbitan Akhbar.
  - Mengurus kemaskini Laman Web.
  - Mengurus Press Release.
  - Mengurus Sidang Media.
  - Mengurus Liputan Media.
  - Mengurus Pengiklanan.
  - Penulisan berita kepada Majalah Bitara KPT.
  - Penulisan berita kepada Majalah Prospek KPT.
  - Mengurus cenderahati berupa barangan promosi untuk pelawat di booth pameran/promosi universiti.
  - Mengurus program kualiti.
- Menguruskan perkara-perkara mengenai perhubungan antarabangsa universiti yang merangkumi:
  - Mengurus penggubalan Strategic Alliances / Partnerships dengan institusi-institusi luar negara.
  - Mengurus aktiviti majlis MoU / MoA.
  - Mengurus pengambilan Pensyarah / Pegawai Kadet dari luar negara.
  - Mengurus program promosi luar negara.
  - Mengurus pelawat luar negara.
  - Mengurus program kualiti.

##### **ii. Bahagian Kepimpinan, Korporat dan Perhubungan Antarabangsa**

- Bertanggungjawab mengurus dan mentadbir universiti berkaitan dengan urusan dalam negara dan antarabangsa.
- Bertanggungjawab memastikan hala tuju (Pelan Strategik) dan KPIs universiti adalah tepat dan menempati piawaian yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.
- Bertanggungjawab mengurus dan melancarkan urusan rasmi universiti.

#### **PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (PTMK)**

##### **Seksyen Helpdesk dan Aset**

1. Memberi sokongan kepada pengguna mengenai hal berkaitan ICT
2. Mengendalikan perkhidmatan Help Desk dan memberikan first level support kepada pelanggan Universiti.
3. Mengurus rekod inventori/aset dan penyelenggaraan semua peralatan ICT bagi rujukan untuk pengurusan penyelenggaraan dan pembaikan
4. Memantau dan memastikan semua aduan yang dibuat kepada Help Desk adalah mengikut polisi dan prosedur sehingga penyelesaian masalah
5. Memantau status pembaikan seperti peralatan ICT dengan pembekal, pepijat perisian dan sebagainya
6. Menyediakan maklumbalas dan menyemak status aduan dengan pengguna
7. Merancang dan mengkaji kesesuaian sistem Help Desk dari semasa ke semasa.
8. Melanjutkan masalah kepada 2nd level support.

##### **Seksyen Pentadbiran**

1. Pengurusan dan pentadbiran pejabat
  - Sistem Fail
  - Surat
  - Pekeliling
  - Cuti
2. Kewangan
  - Bajet Kewangan
  - Bajet Perjawatan
3. Pengurusan Sumber Manusia
  - Latihan
  - Disiplin/Tatatertib
4. Penilaian prestasi staf
5. Penempatan dan susun atur kedudukan staf
6. Pengisytiharan harta
7. Urus setia mesyuarat/ bengkel/ seminar/ kursus
8. Keselamatan pejabat
9. Laporan tahunan
10. Perbekalan pejabat



<p><b><u>AKADEMI KECERGASAN PERTAHANAN (AKP)</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menawarkan kursus sains sukan kepada pelajar UPNM dari segi akademik seperti Diploma Ketangkasan Pertahanan DAB bagi Kursus Ijazah sebagai nilai tambah pada kurikulum sedia ada.</li> <li>Menawarkan Program Pensijilan dalam bidang Sains Kejurulatihan untuk jurulatih jasmani atau sukan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Agensi Beruniform dan Pelbagai Agensi lain.</li> <li>Menyediakan khidmat kepakaran dalam bidang Sains Sukan, Kejurulatihan, Senaman dan Kecergasan kepada pelajar dan staf UPNM serta ATM.</li> <li>Menjalankan penyelidikan dalam bidang Sains Sukan dan Kejurulatihan di UPNM dan ATM</li> <li>Menjalankan program Kolaborasi dengan institusi atau Agensi lain dalam bidang berkaitan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertanggungjawab memastikan kelancaran urusan protokol universiti.</li> <li>Bertanggungjawab memperkenalkan universiti sebagai sebuah IPTA ulung yang berteraskan akademik dan ketenteraan di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa.</li> <li>Bertanggungjawab mengurus lawatan rasmi dalam negara dan luar negara.</li> <li>Bertanggungjawab mengurus dan mengawal dokumentasi berkaitan hal-hal pentadbiran universiti dan hal-hal penerbitan universiti seperti Laporan Universiti, Diari, Buletin, Laman Web dan lain-lain.</li> </ul> <p><b>iii. <u>Perkhidmatan Sokongan</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menguruskan perkara-perkara mengenai urusan pentadbiran yang merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus pentadbiran Bahagian Kepimpinan, Korporat dan Perhubungan Antarabangsa.</li> <li>Mengurus hal ehwal staf Bahagian Kepimpinan, Korporat dan Perhubungan Antarabangsa.</li> <li>Mengurus pelawat dalam negara.</li> <li>Mengurus penggunaan permis universiti.</li> <li>Mengurus cenderahati pelawat dan tetamu kenamaan dalam negara.</li> <li>Mengurus khidmat nasihat protokol dan mengurus majlis.</li> <li>Membantu pelaksanaan urusan rasmi universiti.</li> <li>Mengurus program kualiti.</li> </ul> </li> </ul>	<p><b><u>Seksyen Pengurusan Rangkaian</u></b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan khidmat nasihat serta sokongan teknikal untuk pengguna yang ingin menggunakan peralatan persendirian (BYOD) bagi tujuan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan di dalam persekitaran Universiti.</li> <li>Menyediakan kemudahan rangkaian ke seluruh kampus iaitu setiap kakitangan UPNM mendapat satu talian data.</li> <li>Memastikan perkhidmatan aplikasi intranet dan internet sentiasa beroperasi dengan baik.</li> <li>Menyediakan khidmat nasihat rangkaian dan keselamatan.</li> <li>Meningkatkan kapasiti laluan internet berpandukan jalur lebar kepada setiap pengguna.</li> <li>Meningkatkan keupayaan rangkaian bagi menyokong operasi Universiti.</li> <li>Menyediakan perkhidmatan rangkaian serta menyelesaikan aduan daripada pengguna.</li> <li>Skop perkhidmatan merangkumi Perancangan, Pelaksanaan, Pengurusan, Penyelarasan, Pemantauan, Penambahbaikan dan Perundingan untuk Perkhidmatan Rangkaian UPNMNet</li> <li>Menyediakan capaian ke Rangkaian MYREN dan 1Gov*Net</li> <li>Menyediakan capaian oleh pengguna di luar kampus ke rangkaian UPNMNet secara selamat melalui penggunaan VPN (Virtual Private Network)</li> <li>Menyediakan dan mengurus keperluan rangkaian secara berwayar (wired) dan rangkaian tanpa wayar (wireless) untuk menyokong aktiviti UPNM</li> <li>Menyediakan khidmat nasihat dari segi keperluan rangkaian di lokasi dan penyediaan spesifikasi keperluan untuk proses perolehan</li> <li>Menyelaras kerja dan projek berkaitan rangkaian dengan FPJB lain di UPNM.</li> <li>Menyediakan perkhidmatan sokongan teknikal kepada pengguna mengenai kemudahan rangkaian dan komunikasi</li> <li>Menyediakan perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan peralatan rangkaian</li> <li>Menyediakan dan memantau polisi dan garis panduan penggunaan kemudahan serta pemasangan rangkaian</li> <li>Mengkaji, menganalisis keperluan, menyelaras dan mengawalselia sistem rangkaian dan Internet luar kampus dan asrama kediaman.</li> <li>Menyebarkan makluman sekiranya terdapat ancaman yang boleh menyebabkan gangguan terhadap keselamatan ICT dan pengoperasian serta pembelajaran di UPNM.</li> <li>Melihat, mengkaji serta menyesuaikan perkembangan teknologi terkini, trend semasa dan gajet terbaru yang boleh digunakan di UPNM dalam menyokong operasi Universiti.</li> </ol>
<p><b><u>PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI (PPPI)</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pentadbiran &amp; Kewangan Penyelidikan</li> <li>Pengurusan Geran Penyelidikan</li> <li>Pemantauan Penelidikan</li> <li>Pengurusan Harta Intelek &amp; Prakomersialan</li> <li>Teknologi Hijau</li> </ul>	<p><b>iv. <u>Unit Korporat</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menguruskan perkara-perkara mengenai aktiviti korporat yang merangkumi: <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus penggubalan Pelan Strategik Universiti.</li> <li>Mengurus pengurusan / perhubungan stakeholders.</li> <li>Mengurus perhubungan korporat.</li> <li>Merancang, membangun dan mengurus Pembangunan Perniagaan Universiti.</li> </ul> </li> </ul>	<p><b><u>Seksyen Perkhidmatan ICT dan Bantuan Pengguna</u></b> Peralatan / Perkakasan Komputer</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan kemudahan ICT untuk menyokong aktiviti pentadbiran, pengajaran &amp; pembelajaran, penyelidikan &amp; sebagainya.</li> <li>Pemberian komputer/notebook kepada setiap staf (Pemberian komputer akan diberi mengikut keutamaan skop kerja agar pengagihan dapat dioptimumkan mengikut keperluan &amp; sumber yang ada).</li> </ul>
<p><b><u>TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)</u></b></p> <p>Untuk menjalankan aktiviti Penyelidikan dan Inovasi yang Strategik dan Berimpak Tinggi dalam bidang pertahanan dan keselamatan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pentadbiran dan Kewangan Penyelidikan</li> <li>Pengurusan Geran Penyelidikan</li> <li>Pemantauan Penyelidikan</li> <li>Pengurusan Harta Intelek dan Prakomersialan</li> <li>Teknologi Hijau</li> </ul>		<p>Khidmat Sokongan Teknikal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan perkhidmatan bantuan teknikal kepada pengguna kemudahan ICT</li> <li>Menyediakan perkhidmatan pembaikan dan penyelenggaraan peralatan ICT</li> <li>Menyediakan khidmat nasihat berkaitan kesesuaian penggunaan peralatan ICT</li> <li>Menyediakan keperluan peralatan dan perisian mengikut piawai yang telah ditetapkan</li> <li>Menyediakan dan memantau polisi dan garis panduan penggunaan kemudahan peralatan ICT</li> <li>Menyimpan rekod pengguna peralatan komputer</li> <li>Memberikan maklumbalas maklumat terkini pengguna dan peralatan yang dibawah kawalan</li> <li>Melakukan lawatan di tempat permasalahan berlaku dan menyelesaikan masalah</li> </ul>

### **JABATAN PENDAFTAR**

1.Mengurus Perlantikan,Pengambilan Saraan, Kemajuan kerjaya dan Disiplin staf berpandukan Perintah Am, Pekeliling-Pekeliling, Surat-Surat Pekeliling serta lain-lain Arahan Kerajaan.

2.Merancang pelunjuran pelajar selaras dengan perancangan akademik dan dasar-dasar universiti; serta keperluan sistem peperiksaan dan penilaian akademik.

3.Melaksanakan program pengurusan kualiti dan produktiviti yang berterusan bagi mewujudkan budaya kerja berkualiti di kalangan staf, selaras dengan Pekeliling-pekelling Kemajuan Pentadbiran Awam.

4.Memastikan urusan pentadbiran dan operasi universiti dilaksanakan mengikut prosedur dan tadbir urus yang baik.

5.Memastikan dasar dan prosedur keselamatan dan perlindungan universiti dikendali secara terancang, sistematik, cekap dan berkesan.

#### **1. Sumber Manusia**

- Permohonan Pengukuhan Perjawatan dan Penyusunan Semula Organisasi
- Kaedah Pengambilan dan Pelantikan
- Penempatan dan Pertukaran Staf

#### **2. Perkhidmatan**

- Kaedah Pengesahan dalam Perkhidmatan
- Pengurusan Kenaikan Pangkat (Akademik dan Bukan Akademik)
- Pengurusan Peminjaman daripada Agensi Luar
- Pemberian Taraf Berpencen

### **JABATAN BENDAHARI**

- Memastikan pengurusan kewangan Universiti dilaksanakan dengan cekap, teratur dan mematuhi peraturan dan pekelling yang ditetapkan.
- Bertanggungjawab memberikan perkhidmatan kewangan kepada pihak-pihak yang berkepentingan.
- Menyediakan maklumat kewangan dengan tepat, cepat dan relevan kepada pelanggan.
- Bertanggungjawab untuk memastikan kedudukan kewangan Universiti sentiasa terkawal seperti mana sasaran yang ditetapkan.

- Mengurus berkaitan Risk Management.
- Mengurus penerbitan video korporat UPNM.
- Mengurus penerbitan video promosi UPNM.
- Mengurus program kualiti.

#### **v. Unit Kreatif**

- Menguruskan perkara-perkara mengenai penerbitan yang merangkumi:
  - Mengurus cenderunghati berupa bahan bercetak seperti diari, kad jemputan, kad dan sampul duit raya, kalender dan *planner*.
  - Mengurus penerbitan Diari, Kalendar dan Planner.
  - Mengurus penerbitan Takwim.
  - Mengurus penerbitan Prospektus.
  - Mengurus penerbitan Laporan Tahunan.
  - Perkhidmatan jurufoto dan arkid gambar.
  - Perkhidmatan audio dan video.
  - Perkhidmatan menyediakan banner / bunting / signboard dan sebagainya.
  - Mengurus program kualiti.

#### **vi. Unit Jaringan Industri**

- Menguruskan hal ehwal industri dan korporat di antara Universiti Pertahanan Nasional Malaysia dan Industri yang merangkumi:
  - Mengurus isu-isu berkenaan dengan perhubungan UPNM dengan latihan industri pelajar.
  - Menguruskan isu-isu berkenaan dengan keusahawanan di antara UPNM dengan industri bagi penglibatan para tenaga akademik dan termasuk pelajar.
  - Mengurus isu-isu berkenaan dengan program sangkutan tenaga pengajar dengan industri.
  - Meningkatkan keupayaan dan kemampuan pelajar UPNM bagi menghadapi persekitaran industri sebenar.
  - Mewujudkan dan mengukuhkan jalinan industri

- Melaporkan kepada Help Desk status pembaikan dan penyelenggaraan yang dilakukan.

#### **Khidmat Pelanggan**

- Menjadi Point of Contact di antara pengguna dengan PTMK supaya semua permintaan dapat diaturkan dengan sempurna
- Memproses, merekod dan menganalisa permohonan dari pengguna
- Memantau, memberi maklumbalas dan membuat susulan ke atas setiap permohonan
- Memastikan polisi dan prosedur perkhidmatan dan perolehan ICT Universiti disediakan dan dikemaskini untuk rujukan semua pihak (berkenaan sahaja)
- Memastikan semua dokumentasi sistem (hardcopy & softcopy) disediakan dan dikemaskini untuk rujukan semua pihak (berkenaan sahaja)

Pusat Data yang merupakan lokasi penempatan aset yang paling penting untuk perkakasan ICT dan aplikasi untuk memastikan sumber tersebut mempunyai keboleh percayaan dari segi ketersediaan, keselamatan, kapasiti dan kesinambungan perkhidmatan untuk menyokong urusan dalam talian UPNM.

Skop perkhidmatan merangkumi Perancangan, Perlaksanaan, Pengurusan, Penyelarasan, Pemantauan, Penambahbaikan dan Perundingan untuk Perkhidmatan Pusat Data dan Perkhidmatan Pangkalan Data.

#### **Pengurusan Pangkalan Data**

- Menyediakan pangkalan data, mengurus, memantau dan menambahbaik dari segi keselamatan, kapasiti, backup & recovery dan replikasi pangkalan data
- Bertanggungjawab terhadap kesemua server dan pangkalan data yang berada di bawah jagaan Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi.
- Merupakan tulang belakang kepada sistem aplikasi universiti kerana ianya menyokong sepenuhnya sebarang sistem yang dibangunkan bagi memastikan perjalanan aktiviti-aktiviti operasi setiap jabatan atau pusat beroperasi dengan baik dan lancar.
- Menyedia, mengurus, mengoperasi dan memantau pengoperasian perkhidmatan laman web bagi FPJB/Bahagian/Jabatan secara Web Hosting
- Menyelia dan melaksanakan prosedur operasi Pusat Data bagi memastikan operasi Pusat Data adalah jelas, dipatuhi dan di laksana dengan lancar
- Merancang, mengkaji dan membuat analisa keperluan pengguna dari segi pengurusan pangkalan data secara berpusat universiti
- Menyediakan perkhidmatan forensik analisis log atas keperluan universiti.
- Menyediakan dan menyeragamkan perkhidmatan plan pemulihan bencana bagi setiap pelayan yang dipertanggungjawabkan.

#### **Keselamatan ICT**

- Menyelaraskan dan mengurus ciri-ciri keselamatan asas
- Menyediakan Pengurusan Alamat IP (Internet Protocol) untuk keperluan peralatan dan perkakasan di dalam rangkaian
- Menyediakan perkhidmatan email khas dan kumpulan bagi penggunaan tertentu pada suatu masa yang ditetapkan
- Menyediakan ruang dan menguruskan perkhidmatan hosting bagi server, peralatan keselamatan, komunikasi, aplikasi dan integrasi rangkaian mengikut spesifikasi yang ditetapkan secara Server Hosting

- Mewujudkan peraturan-peraturan kewangan yang komprehensif dan berkesan.

**i. Bahagian Akaun**

- Menyediakan Nota Jemaah Menteri (NJM) dan Laporan Ringkasan Kedudukan Kewangan dan Prestasi (LRKKP) untuk dikemukakan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tidak lewat daripada 10 Januari setiap tahun.
- Menyediakan Penyata Kewangan UPNM yang lengkap untuk dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara selewat-lewatnya pada 30 April setiap tahun.
- Memastikan semua pelarasan Penyata Bank disediakan sebelum/ pada 10hb bulan berikutnya.
- Memastikan semua manual jurnal dipost ke dalam sistem selewatnya 5hb setiap bulan

**ii. Bahagian Terimaan Dan Akaun Pelajar**

- Resit rasmi bagi bayaran tunai, cek dan wang pos akan dikeluarkan pada masa penerimaan di Kaunter Bahagian Terimaan.
- Resit rasmi bagi dana pindahan akan disediakan secepat mungkin setelah dana pindahan diterima masuk ke akaun universiti dan dokumen sokongan disahkan lengkap.
- Bil tuntutan (invois) pelbagai disediakan dalam masa 7 hari bekerja daripada tarikh permohonan diterima dengan lengkap.
- Bil tuntutan (invois) yuran pengajian pelajar disediakan dalam masa 14 hari sebelum pelajar mendaftar diri bagi semester baharu.
- Bil tuntutan (invois) penaja disediakan dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh permohonan diterima dengan lengkap.

dalam pelbagai bidang termasuk bidang pertahanan.

- Membantu pelajar dan tenaga pengajar menimba ilmu dan menambah baik ilmu pengetahuan merangkumi perolehan pengalaman, pendedahan kepada amalan sebenar industri, mengaplikasikan pengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran.
- Memastikan pihak industri bekerjasama dengan universiti dalam melahirkan pelajar yang berkebolehan pasaran dan tenaga pengajar yang intelektual termasuk pembangunan peribadi yang mampan, berketerampilan dan berkepimpinan.

**vii. Unit Pengurusan Kewangan**

- Menguruskan perkara-perkara mengenai urusan kewangan merangkumi:
  - Menyelaras aktiviti syarikat universiti iaitu UPNM Business Centre Sdn. Bhd. dan berfungsi sebagai perhubung antara pihak syarikat dengan pihak universiti.
  - Membantu universiti dalam penajaan pendapatan melalui aktiviti perniagaan syarikat universiti.
  - Mengurus cenderahati universiti termasuk mengenalpasti keperluan cenderahati, membuat perancangan dan perolehan, mengawalselia pengeluaran, penyimpanan, merekod dan mengemaskini stok cenderahati.

- Memberi khidmat nasihat dan sokongan teknikal yang berkaitan dengan komputer pelayan
- Memastikan operasi dan fasiliti Pusat Data beroperasi dengan lancar 24 x 7 dan 365 hari
- Menilai dan mencadangkan pengurangan risiko berlakunya insiden dan kebergantungan kepada pihak ketiga untuk memantapkan lagi infrastruktur keselamatan ICT di UPNM.
- Memastikan pengendalian insiden mengikut Prosedur Pengendalian Insiden seperti yang terkandung dalam Dasar ICT UPNM dan Dasar Keselamatan ICT UPNM dan piawaian semasa yang telah ditetapkan.
- Bertanggungjawab menyebarkan makluman sekiranya terdapat ancaman yang boleh menyebabkan gangguan terhadap keselamatan ICT dan pengoperasian serta pembelajaran di UPNM.
- Merancang dan menilai faktor kebarangkalian berlaku bencana terhadap pusat data untuk menghindari faktor yang boleh dikawal daripada berlakunya bencana.
